

Perarakan Hari Kebangsaan tahun depan di Putrajaya

UM 20 SEP 2002

KUALA LUMPUR 19 Sept. — Perarakan Hari Kebangsaan pada tahun depan akan diadakan di Putrajaya sebagai mengenang jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad yang akan bersara pada tahun itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, pemilihan tersebut telah diputuskan pada mesyuarat Kabinet dua minggu lalu.

Beliau menambah, perarakan itu akan dijalankan di kawasan 'boulevard' sejauh empat kilometer yang dibangunkan untuk tujuan perarakan-perarakan penting di sana.

"Pemilihan Putrajaya itu dibuat bagi memberi penghormatan kepada Perdana Menteri yang telah mentadbir negara selama 21 tahun yang banyak mengubah pembangunan negara ketika ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas Majlis Makan Malam Penghargaan Hari Kemerdekaan di Hotel PJ Hilton, di sini hari ini.

Menurut beliau sebelum ini, pihaknya telah menetapkan perarakan pada tahun depan diadakan di Kuantan tetapi kabinet telah bersetuju untuk mengadakan perarakan tersebut di Putrajaya.

Sementara itu, beliau menyifatkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini begitu meriah di seluruh negara berikutan acara-acara menarik yang telah disusun.

Beliau memberitahu, pada tahun depan, pihaknya merancang untuk mengadakan sambutan yang terbaik bagi mengukuhkan semangat cintakan negara di kalangan masyarakat tempatan.